

53
SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN - BN]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2017 (SELASA)

SOALAN NO. 24

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- a) bagaimanakah reaksi rakyat pada keseluruhannya terhadap Kerajaan atas kemenangan cemerlang (selaku juara keseluruhan) kontinjen negara pada temasya Sukan SEA Ke-29; dan
- b) bagaimana penilaian dan tindakan Kerajaan ke atas dakwaan bahawa terdapat kelemahan dalam hospitaliti kita terhadap kontinjen luar negara ketika temasya tersebut.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan pemantauan media sosial yang dijalankan oleh Kementerian, reaksi orang ramai terhadap Kerajaan atas kemenangan kontingen negara pada temasya Sukan SEA ke-29 secara keseluruhannya adalah positif.
2. Ini dapat disaksikan apabila kita melihat sehari selepas Sukan SEA tamat, lebih 84,000 perbualan positif di media sosial direkodkan mengenai penganjuran KL2017 secara umumnya dan penghargaan terhadap atlet. Manakala, hanya lebih kurang 13,000 perbualan negatif di media sosial yang direkodkan mengenai subjek yang sama yang mempersoalkan perkara seperti artis lupa lirik, kekurangan elemen ASEAN, persembahan yang kurang menarik dan persembahan bunga api yang kurang meriah.
3. Sementara itu, pada hari yang sama, lebih 46,000 perbualan positif di media sosial direkodkan mengenai *#CiptaSejarahBersama*, iaitu *hash tag* yang telah diperkenalkan untuk meraikan kemenangan Malaysia. Lebih 19,000 membincangkan tentang kemeriahan upacara penutup dan penganjuran KL2017 dan lebih 27,000 perbualan adalah mengenai pencapaian dan kecemerlangan kontingen negara. Tiada perbualan negatif yang direkodkan bagi topik *#CiptaSejarahBersama*.

SULIT

4. Penampilan maskot KL 2017, RIMAU turut menarik perhatian dan menambah kepada kemeriahan temasya. Hampir 3,000 perbualan positif direkodkan yang membincangkan tentang kejayaan RIMAU dalam menjalankan tugasnya sebagai maskot temasya dan tiada perbualan negatif yang direkodkan mengenainya.
5. Manakala, lebih 3,000 perbualan positif di media sosial membincangkan tentang sukarelawan dan penghargaan terhadap kumpulan WAU Factor ini yang memainkan peranan mereka sebagai tulang belakang terhadap temasya. Kurang daripada lima perbualan negatif yang direkodkan mengenai sukarelawan.
6. Kementerian telah bekerjasama dengan pelbagai agensi dan jabatan yang terlibat dalam memberikan pengalaman terbaik kepada semua kontinjen yang bertanding dalam pelbagai aspek yang telah dititik beratkan. Tiada isu yang timbul berlarutan sehingga ke penghujung temasya yang tidak dapat diselesaikan, kebanyakan permasalahan yang timbul adalah sesuatu yang di luar kawalan dan kejayaan yang dikecapi telah sedikit sebanyak menutup cakap-cakap negatif di pelbagai aspek yang mampu untuk meruntuhkan semangat perpaduan yang ingin disampaikan melalui sukan itu sendiri.
7. Tidak dapat dinafikan Kuala Lumpur 2017 telah menyajikan hospitaliti terbaik sepanjang temasya jika dibandingkan dengan siri-siri penganjuran sebelum ini. Pelbagai langkah telah diperkenalkan oleh pihak kementerian dalam memastikan penganjuran mencapai

SULIT

objektifnya. Pada masa yang sama, bajet yang diperuntukan dibelanjakan sebaik mungkin tanpa sebarang ketirisan dengan memberi tumpuan kepada keselesaan dan pengalaman kepada kontinjen luar yang datang bertanding sepanjang temasya.

Sekian, terima kasih.